

Headline	TNB pastikan operasi lancar sepanjang PKP		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Bisnes	Page No	33
ArticleSize	114 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,831		



## TNB pastikan operasi lancar sepanjang PKP

**TENAGA** Nasional Berhad (TNB) terus memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan memastikan penjaan tenaga stesen janakuasanya beroperasi dengan lancar, kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman.

Selain penjaan, beliau berkata, warga kerja teknikal TNB yang terlibat secara langsung dalam klasifikasi perkhidmatan kritikal juga bekerja bagi me-

astikan semua pengguna mendapat perkhidmatan dan bekalan elektrik yang berterusan serta stabil.

“Mereka termasuklah anggota kerja teknikal di bahagian grid serta pembahagian elektrik, kerja-kerja penyambungan dan pemulihan bekalan.

“Operasi kritikal lain yang turut beroperasi adalah perkhidmatan pelanggan TNB CareLine, kawalan keselamatan dan fasiliti janakuasa bergerak,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan aktiviti pemotongan bekalan ditangguhkan dan pembacaan meter TNB serta operasi Kedai Tenaga di seluruh negara juga dihentikan untuk menjaga kepentingan orang awam dan warga kerja TNB terlibat.

“Sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik, pengguna diminta menghubungi TNB CareLine di 15454, Facebook TNB CareLine,” katanya.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	2	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	10	0	RM 0